

# 'Disiplin bukan untuk menekan sesiapa'

10 MAY 1984

**KUALA TERENGGANU, Rabu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan tidak berniat mengongkang, menekan dan memperbodoh-bodohkan sesiapa dalam usahanya memupuk disiplin dan lain-lain nilai hidup yang baik di kalangan rakyat.

Perdana Menteri menyatakan, langkah kerajaan itu adalah semata-mata untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bermaruah tinggi, dihormati oleh

orang lain, dan segala perancangan dan usaha akan mencapai matlamatnya.

Perdana Menteri tidak mahu rakyat merasakan sebagai satu tekanan langkah kerajaan memupuk disiplin.

Datuk Seri Dr Mahathir berucap di depan kira-kira 10,000 orang, termasuk para pemimpin parti-parti anggota Barisan Nasional Negeri Terengganu, di perkarangan kediaman Menteri Besar di sini lewat petang ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan pentingnya disiplin dalam

semua kerja dan tindakan untuk menentukan pencapaian matlamat dan kejayaannya.

Dalam sesebuah angkatan tentera, beliau memberi contoh, disiplin dapat menentukan pasukan yang kecil pun boleh mencapai banyak kejayaan berbanding pasukan besar yang tidak mempunyai disiplin.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, disiplin adalah untuk kebaikan kita semua, kepaikan rakyat, bukan untuk kebaikan kerajaan atau para pemimpin, tetapi untuk kebaikan kita semua supaya negara

mempunyai maruah yang tinggi dan tidak boleh diperbudak-budakkan oleh orang lain.

Beliau menyatakan, kerajaan akan terus memberi penekanan kepada memupuk nilai-nilai yang baik di kalangan rakyat berbilang kaum negara ini, kerana maju mundur sesebuah negara atau kaum itu bergantung kepada nilai-nilai hidup yang mereka amalkan.

"Kalau kita sebagai kaum yang sukakan pergaduhan dan persengketaan, negara tidak akan aman dan kita tidak akan dapat membangunkan negara," tambahnya.

## Miskin

Mengenai kemiskinan, Dr Mahathir berkata, kerajaan mengadakan pelbagai rancangan baru untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

Beliau mahu rakyat memandang jauh dalam masalah ini, kerana jika kita mahu semua orang menjadi kaya, kita semua akan menjadi miskin.

Katanya lagi, masalah kemiskinan tidak akan dapat dihapuskan langsung, sebaliknya ia boleh dikurangkan dengan segala usaha yang sedang, telah dan akan dilakukan oleh kerajaan itu.